

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Tuesday, 30 May, 2017 10:59 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MACAM-MACAM AUDIT ADA - MAJLIS DAERAH KUBANG PASU KEDAH

Follow Up Flag: Follow up
Flag Status: Flagged



30 MEI 2017 / 04 RAMADAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

MACAM-MACAM AUDIT ADA - MAJLIS DAERAH KUBANG PASU KEDAH



ANJUNG TAMU ONLINE: Kebersihan merupakan lambang keperibadian seseorang serta imej sesebuah masyarakat.

Isu kebersihan tandas awam juga merupakan perkara yang serius perlu dititikberatkan. Oleh yang demikian, Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP), Kedah sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap kebersihan awam dan persekitaran termasuklah kebersihan tandas awam.

Jelaslah penganjuran Hari Tandas Sedunia yang disambut pada 19 November setiap tahun bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga kesihatan dan kebersihan termasuklah menjaga kebersihan tandas.

Dalam konteks tersebut, perkara pertama yang diterapkan ialah kebersihan dan kehijauan kampus di UUM *Welcome Centre* telah menarik perhatian seramai lapan juruaudit Pertandingan Peringkat MDKP untuk menilai tahap kebersihan tandas awam yang digunakan oleh tetamu, pengunjung, pelanggan dan pelancong yang silih berganti datang dan pergi.

Justeru, harapan MDKP supaya kesedaran dapat ditingkatkan secara berterusan agar budaya amalan kebersihan diaplikasikan bersama.

Ahli Majlis Auditan Pertandingan selaku Ketua Audit, Yusof Yaakob menjelaskan bahawa memelihara kebersihan tandas merupakan satu cabaran kerana ianya melibatkan reka bentuk tandas, sistem pengurusan, teknologi, tenaga kerja dan kelengkapan yang digunakan dalam sistem penyenggaraan.

Menurutnya, *Welcome Centre* satu-satunya lokasi yang dipilih oleh MDKP untuk dinilai tahap kebersihan tandas awam tanpa memaklumkan hari dan masa kedatangan mereka supaya situasi sebenar kebersihan tandas awam dapat dinilai.

Selepas taklimat ringkas diberikan oleh *Welcome Centre* tentang tahap penggunaan tandas awam serta selesai penilaian, kata beliau lagi,

“Tempat yang terbaik bagi memperkenalkan UUM kepada pengunjung.”

Walau bagaimanapun, kerjasama padu Jabatan Pembangunan & Penyenggaraan UUM yang memikul tanggungjawab besar dalam memastikan tandas-tandas di dalam kampus memenuhi Standard Operating Procedure (S.O.P) amat dihargai sekaligus MDKP terpanggil untuk menyenaraikan UUM *Welcome Centre* sebagai salah satu lokasi untuk dinilai dalam pertandingan peringkat MDKP.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.